

'Jangan hasut Bumiputera'

KIJALA LUMPUR, Sabtu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada golongan yang ingin menggagalkan Dasar Pandang Ke Timur supaya jangan cuba menghasut Bumiputera menentang dasar itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan membatalkan Dasar Pandang Ke Timur tetapi sebaliknya ia berpendapat dasar itu tepat dan sudahpun mendedahkan hasil yang sewajarnya.

"Malaysia tetap akan mendapat manfaat yang banyak daripada dasar itu. Janganlah cuba menghasut Bumiputera menentanginya," tambah beliau.

Beliau berharap, jika ada masalah atau pihak asing tidak mematuhi syarat atau tidak memberi layanan sewajarnya, pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah diberitahu dan masalah diselesaikan secara rundingan.

"Tetapi janganlah kita bersikap terlalu sensitif sehingga tidak boleh ditegur sama sekali walaupun kita bersalah," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Projek Da-

Oleh AHMAD PUAD ONAH

yabumi fasa ketiga, merencanakan pembangunan di sini yang disifatkan sebagai salah satu kejayaan ulung Dasar Pandang Ke Timur.

Katanya, beliau telah berkali-kali menegaskan dasar itu tidak bermakna memberi kontrak atau mendapat bekalan daripada negara-negara Timur.

Sebaliknya, Dasar Pandang Ke Timur ialah untuk mempelajari dari negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan mengenai etika kerja, cara-cara mengurus dan apa juga teknologi yang boleh didapati daripada mereka.

Perdana Menteri berkata, sejak dasar itu dilaksanakan, ramai pelatih tempatan telah diterima oleh kerajaan Jepun dan Korea Selatan serta firma-firma mereka.

"Yang tidak dapat dinantikan ialah sebelum dasar itu, kita juga telah memberikan kontrak dan mendapat bekalan dari negara-negara asing, tetapi tidak ada skim dan biasiswa latihan secara teratur dan besar-besaran yang bermanfaat daripada kontrak-kontrak di negara ini," ujarnya.

Menurutnya, kerajaan berpuas hati bahawa pe-

mindahan teknologi adalah salah satu daripada hasil pemberian kontrak kepada kontraktor asing. Khususnya kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea Selatan.

Walaupun banyak firma tempatan menafikan adanya pemindahan teknologi, hakikatnya berbeza sekali daripada dakwaan mereka. tambahnya.

Namun demikian, beliau berkata, kontrak-kontrak yang airmenangi oleh kontraktor asing adalah kerana tawaran mereka didapati yang terbaik sekali setelah mengambil kira semua aspek.

Beliau berpendapat harga murah bukanlah faktor penentu dalam pemberian tender. "Kita tahu betapa kerapnya penender yang murah akhirnya menghadapi masalah, lewat menyiapkan kerja, meminta tambahan bayaran dan kadang-kadang meninggalkan kerja."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, prestasi kontraktor di masa lalu dan sistem yang digunakan untuk pembinaan, mutu kerja dan lain-lain faktor mesti diambil kira dalam menentukan siapa yang memenangi tender.

Katanya, syarat itu digunakan untuk semua tender yang terbuka kepada firma tempatan dan asing.

Mengenai Projek Dayabumi fasa ketiga itu Perdana Menteri berkata, kerajaan puas hati semua syarat telah diambil kira.

Menurutnya, bukan saja syarat masa, iaitu siap dalam masa 26 bulan dipatuhi tetapi mutu kerja amat baik, latihan diberi kepada pekerja-pekerja tempatan, dan firma Bumiputera dapat menyertai projek itu.

Beliau berkata, projek itu mencatat beberapa rekod, antaranya ia adalah projek **turnkey** yang terbesar dalam bidang binaan dan dapat disiapkan dalam masa yang dijanjikan.

Oleh kerana projek itu siap 22 bulan lebih awal daripada tempoh biasa pembinaan bangunan seperti Dayabumi, ia menambahkan pendapatan kira-kira \$50.6 juta.

Rekod kedua ialah

penggunaan sistem rangka besi dan bukan konkrit yang diperkuatkan, yang pertama kali dilaksanakan di negara ini membolehkan ia dapat disiapkan dalam masa 26 bulan.